



KENAIKAN HARGA BARANGAN DAN IMPAKNYA TERHADAP PENDUDUK B40 DI MUAR, JOHOR

(The Rising of Goods and The Impact Towards B40 Population in Muar, Johor)

Rosniza Aznie Che Rose^{1*}, Rajeswary Mutsamy¹

¹ Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author: aznie@ukm.edu.my

Received: 8 October 2020 • Accepted: 15 October 2020 • Published: 31 October 2020

Abstract

Muar is a town which is rapidly growing along with the economic development that contributes to the rising prices of goods and services. The hike of the commodity prices has led to a sharp rise in the index of consumer prices and inflation. This situation has significantly impacted the community especially on the B40 group due to insufficient income to afford the high cost of living. On that note, the increase in prices of goods causes the rise of their expenditure and affects their savings. The aim of this study is to identify the impact of rising prices on goods to the B40's group income as well as their life sustainability and to propose appropriate measures to increase the savings of these population in Muar, Johore. Quantitative method using questionnaire instrument was applied as research methodology by distributing to 100 respondents of the B40 group comprising various races around Muar. Studies have also shown that the survival rate of this group is affected and therefore consumers are forced to adapt their lifestyle to the current cost of living. To overcome this issue, most of the respondents agreed to be prudent by purchasing low quality goods and only prioritizing those necessary items.

Keywords: *predunt, living standard, life sustainability, purchasing power, B40 population, inflation*

Abstrak

Bandar Muar merupakan sebuah kawasan yang semakin maju seiring dengan pembangunan ekonomi yang turut menyumbang kepada peningkatan harga barang dan perkhidmatan. Kenaikan harga barang secara berterusan sejak kebelakangan ini telah menyebabkan indeks harga pengguna dan kadar inflasi meningkat dengan ketara. Situasi

ini memberi kesan yang besar kepada kehidupan rakyat terutamanya golongan B40 akibat ketidakcukupan pendapatan untuk menampung kos hidup yang tinggi. Peningkatan harga barang turut meningkatkan perbelanjaan pengguna serta menjejaskan tabungan mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak kenaikan harga barangan terhadap pendapatan, mengenalpasti tahap kelangsungan hidup serta mencadangkan langkah yang bersesuaian bagi meningkatkan tabungan penduduk B40 di Muar, Johor. Metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik kepada 100 responden golongan B40 yang merangkumi pelbagai bangsa di sekitar kawasan Muar. Hasil kajian mendapati bahawa kenaikan harga barang telah menjejaskan nilai pendapatan benar golongan B40 akibat peningkatan kos sara hidup serta perubahan kuasa beli dan taraf hidup mereka. Kajian juga mendapati bahawa tahap kelangsungan hidup golongan ini turut terjejas dan pengguna terpaksa beradaptasi diri mereka seiring dengan kos hidup semasa. Namun, bagi menangani isu ini, sebahagian besar responden bertindak untuk berjimat cermat dengan membeli barangan yang berkualiti rendah serta mengutamakan barangan yang penting.

Kata Kunci: barangan, kos sara hidup, kelangsungan hidup, pendapatan, penduduk B40, tabungan

Cite as: Rosniza Aznie, C.R., Mutsamy, R. (2020). The Rising of Goods And The Impact Towards B40 Population in Muar, Johor. *Asian People Journal*, 3(2), 106-121.

PENGENALAN

Isu kenaikan harga barangan merupakan satu isu yang tidak asing lagi. Kebanyakan barangan terutamanya barangan keperluan harian telah mengalami kenaikan harga (Nur Jannah Bukhari 2018). Kenaikan ini menyebabkan berlakunya masalah dari segi pendapatan penduduk terutamanya kuasa beli mereka menurun, taraf hidup terjejas, dan pendapatan benar masyarakat menurun disebabkan perbelanjaan yang semakin meningkat. Secara umum harga terhasil daripada suatu pertukaran atau transaksi yang terjadi antara dua pihak dan ia merujuk kepada apa yang sanggup diberikan oleh satu pihak iaitu pembeli untuk memperoleh sesuatu yang ditawarkan oleh pihak lain iaitu penjual. Isu kenaikan harga barangan ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup yang lebih tinggi (Farahaini, 2015).

Kenaikan harga barangan turut mengakibatkan kesan negatif secara langsung mahupun tidak langsung kepada pengguna terutamanya kepada anggota masyarakat yang sentiasa memerlukan barangan tersebut (Nor Sharmainie et al. 2019). Mereka terpaksa mengamalkan langkah berjimat cermat untuk memastikan keperluan harian dipenuhi. Hal ini lebih merungsingkan apabila masalah ini ditempuhi oleh golongan berpendapatan rendah khususnya penduduk golongan B40. Menurut YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, kumpulan B40 dikenali sebagai Bottom 40 adalah kumpulan isi rumah yang mempunyai pendapatan terendah dengan pendapatan seisi rumah pada purata bulanan kurang di bawah RM3860.00 (Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2016).

Hal ini telah memberikan impak yang besar kepada penduduk terutamanya penduduk B40 di Muar, Johor. Pendapatan bulanan yang sedikit telah menyebabkan golongan ini sentiasa mendepani dengan masalah kewangan ketika melakukan aktiviti perbelanjaan (Nur Jannah Bukhari, 2018). Justeru bagi menampung kos sara hidup yang semakin meningkat, mereka terpaksa bekerja lebih daripada satu pekerjaan untuk menampung segala perbelanjaan.

Oleh sebab kesibukan dalam pekerjaan, mereka kurang meluangkan masa berkualiti bersama ahli keluarga dan keadaan ini menggugat kesejahteraan hidup penduduk B40.

Di samping itu, kenaikan harga barangan telah turut mengganggu tahap kelangsungan hidup penduduk ini. Mereka terpaksa beradaptasi dengan situasi ini demi mempertahankan kehidupan hariannya. Sebagai contoh, dahulunya mereka dapat berbelanja secara berlebihan tetapi kini hanya terhad kepada perbelanjaan yang penting sahaja. Selain itu, mereka juga tidak mampu untuk melakukan aktiviti tabungan. Pendapatan yang diperolehi hanya cukup digunakan untuk kelangsungan hidup mereka. Keadaan ini secara langsung menjejaskan kualiti hidup penduduk golongan B40 di Muar, Johor.

Peningkatan harga barangan juga telah menyebabkan amalan berhutang di kalangan penduduk B40 meningkat. Kadar upah dan gaji yang mereka terima secara relatifnya agak kecil atau terlalu rendah (Dicky et al., 2019). Perkara ini telah menjurus mereka untuk melakukan pinjaman sebagai alternatif dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Maka, apabila hutang bertambah, ia secara langsung akan menyebabkan tabungan berkurangan. Oleh itu, kajian ini bakal mengkaji atau menunjukkan tentang apakah implikasi daripada kenaikan harga barangan terhadap penduduk B40 di Muar, Johor secara lebih mendalam. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti impak kenaikan harga barangan terhadap pendapatan, mengenalpasti tahap kelangsungan hidup, dan mencadangkan langkah yang bersesuaian bagi meningkatkan tabungan penduduk B40 di Muar, Johor.

KAJIAN LITERATUR

Isu kenaikan kos sara hidup merupakan satu isu global yang dihadapi oleh banyak negara membangun. Malahan, negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun juga turut berhadapan dengan masalah kenaikan sara hidup rakyat mereka (Mohd Aqmin et al., 2018). Peningkatan pendapatan yang tidak selari dengan kenaikan kos sara hidup menghimpit masyarakat pada hari ini. Kerajaan Malaysia juga memfokuskan isu kos sara hidup sebagai salah satu bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11). Kajian berkenaan kos sara hidup juga menjadi topik hangat pada penghujung abad ke-20. Nelson (1991) membawa cadangannya untuk mewujudkan indeks kos sara hidup mengikut negeri di Amerika Syarikat. Menurut beliau, kos sara hidup adalah berbeza-beza mengikut negeri di Amerika Syarikat disebabkan perbezaan gaji, harga barangan, taraf hidup dan corak perbelanjaan isi rumah yang berubah mengikut lokasi tempat tinggal. Kajian ini turut menyatakan perubahan pada gaji memberi kesan langsung kepada perbelanjaan isi rumah.

Kenaikan harga barang ekoran kenaikan harga minyak secara berterusan sepanjang tahun 2008 telah meningkatkan Indeks Harga Pengguna (IHP) di Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, Indeks Harga Pengguna bagi Januari 2009 meningkat sebanyak 3.9 peratus kepada 111.7 berbanding 107.5 pada bulan yang sama tahun lepas. Secara teori, keadaan ini menjejaskan kuasa beli pengguna dan keupayaan menabung di kalangan pengguna. Isi rumah terpaksa memperuntukkan perbelanjaan yang lebih tinggi berbanding sebelumnya khususnya untuk perbelanjaan barangan harian (Eh Run Eh Noi et al., 2017). Menurut Basil (2017), secara asasnya peningkatan harga barangan berkait rapat dengan kemampuan atau kuasa beli pengguna. Hal ini kerana ia akan memberi tekanan khususnya kepada isi rumah berpendapatan rendah kerana kuantiti barangan yang mampu dibeli akan berkurangan. Kajian daripada Bank Negara Malaysia (2013), membincangkan tentang kecenderungan

perbelanjaan isi rumah telah mendapati bahawa isi rumah dengan pendapatan tinggi hanya berbelanja RM0.25 daripada tambahan RM 1 yang diperolehi, berbanding isi rumah dengan berpendapatan rendah yang berbelanja sebanyak RM0.80 daripada tambahan RM 1 yang diperolehi. Jelaslah bahawa golongan berpendapatan rendah cenderung untuk berbelanja lebih berbanding golongan berpendapatan tinggi.

Menurut Chiew (2018), golongan berpendapatan rendah dikatakan lebih mudah terjejas terhadap risiko kerana kemampuan kewangan serta tahap simpanan yang rendah. Malahan, golongan berpendapatan rendah amat sukar untuk kembali kepada kedudukan kewangan yang asal sekiranya sesuatu krisis berlaku, terutamanya yang melibatkan wang simpanan yang besar (Cohen, 2006; Sebtad, 2006). Hal ini kerana, golongan B40 mungkin mempunyai simpanan yang kecil atau tidak mempunyai simpanan langsung untuk membiayai kejadian-kejadian tidak jangka atau pada waktu kecemasan. Malah, kos hidup yang semakin meningkat kesan daripada ketidakpastian ekonomi dan peningkatan harga barang dan perkhidmatan memberikan tekanan kepada semua tetapi lebih ketara kepada golongan B40 (Hafizuddin Syah et al., 2019).

Penduduk B40

Berdasarkan kepada penyiataan pendapatan dan perbelanjaan isi rumah (Jabatan Perangkaan Malaysia 2017), kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40 atau Bottom 40) merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan purata di bawah RM3,860. Kumpulan isi rumah B40 juga merangkumi isi rumah miskin yang berpendapatan bulanan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK). Nilai PGK rasional adalah RM 950.00 sebulan (Wan Khairu et al., 2020).

Pada tahun 2015, terdapat 2.7 juta kumpulan B40 dengan 63 peratus tinggal di bandar dan selebihnya 37 peratus berada di luar bandar. Manakala pada tahun 2014, Unit Perancangan Ekonomi melaporkan pendapatan bulanan purata kumpulan ini ialah RM 2537 iaitu jauh lebih rendah daripada pendapatan bulanan purata isi rumah Malaysia RM 6141, lima kali ganda kurang daripada pendapatan T20 (RM 14,305) dan dua kali ganda kurang daripada pendapatan purata M40 (RM 5662) (Chamhuri Siwar et al. 2019). Pekerjaan penduduk B40 adalah serba biasa dengan kadar upah dan gaji yang secara relatifnya diterima agak kecil dan terlalu rendah (Dicky et al. 2019). Selain itu, penduduk B40 juga merupakan kumpulan yang diberikan keutamaan dalam mencapai kemiskinan sifar daripada pelbagai dimensi menjelang tahun 2030 (United Nations, 2016; World Bank, 2017).

Harga barang

Harga merupakan satu perundangan yang telah dikuatkuasakan bermula dari tahun 1977 dengan 111 barang terpilih (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna 2020). Harga dalam konsep ekonomi pula adalah nilai sesuatu barang atau perkhidmatan dengan kiraan wang. Harga merupakan satu pemboleh ubah penting dalam teori pembahagian sumber. Ia juga penting dalam pemasaran di mana harga merupakan satu daripada empat pemboleh ubah yang digunakan untuk merangka pelan pemasaran (Norlaila et al., 2010).

Harga barang pula merupakan sejumlah wang yang dikenakan untuk sesuatu keluaran atau perkhidmatan yang diberikan. Secara luasnya, harga barang adalah jumlah kesemua nilai yang pengguna tukarkan bagi mendapatkan faedah memiliki atau menggunakan produk atau perkhidmatan. Selain itu, harga barangan ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran. Harga barangan akan meningkat sekiranya permintaan melebihi penawaran dan sebaliknya harga barangan akan merosot sekiranya penawaran melebihi permintaan (Julizah, 2014).

Kos sara hidup

Kos sara hidup merujuk kepada belanjawan minimum untuk membeli sekumpulan barang dan perkhidmatan dalam mencapai tingkat taraf hidup tertentu (Tan, B. S., 2016). Kos sara hidup dan taraf hidup adalah dua perkataan yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Kos sara hidup adalah kos yang terpaksa ditanggung oleh isi rumah bukan sahaja untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal tetapi juga keperluan-keperluan lain untuk kesejahteraan hidup termasuk kos pendidikan, kos sambungan jalur lebar dan kos kenderaan untuk kegunaan harian (Julizah, 2014). Kos sara hidup meningkat pada kadar yang lebih tinggi berbanding dengan kadar pendapatan menyebabkan sebahagian besar dari pendapatan yang diterima hanya dibelanjakan untuk keperluan asas sahaja (Faeza, 2016).

Situasi ekonomi kini menunjukkan dan membuktikan bahawa kos sara hidup masyarakat semakin meningkat dari tahun ke tahun. Menurut laporan tahunan Bank Negara Malaysia pada tahun 2015, analisis data pendapatan dan perbelanjaan membuktikan bahawa terdapat sekelompok masyarakat yang mengalami peningkatan kos sara hidup. Mereka ini adalah isi rumah yang berbelanja lebih daripada pendapatan yang diterima terutamanya kumpulan pendapatan 40 peratus terendah (B40) dan isi rumah berpendapatan tetap (*Bank Negara Annual Report, 2015*). Selain itu, kumpulan isi rumah berpendapatan rendah merupakan kumpulan paling terdedah kepada isu kos sara hidup (Bank Negara Malaysia 2013).

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Muar merupakan daerah yang terletak di barat laut negeri Johor, Malaysia. Muar bersempadan dengan Melaka iaitu di bahagian utara manakala Segamat di bahagian timur dan Batu Pahat di bahagian selatan. Muar berkeluasan 2,346.12 km persegi dengan penduduk seramai 247,957 orang mengikut Bancian 2010. Muar terletak pada koordinat 2°3'N 102°34'E, di muara sungai Muar. Bandar ini berada pada kedudukan 150 km ke barat daya ibu negara Malaysia. Bahagian barat dan utara Daerah Muar bersempadan dengan Negeri Melaka, Negeri Sembilan, dan Negeri Pahang (Majlis Pemandaran Muar, 2016).

Kawasan perumahan terdiri daripada perumahan terancang dan perkampungan tradisi yang merangkumi keluasan sebanyak 3,326.37 hektar (1.41 peratus). Kawasan perkampungan rata-rata didiami oleh orang-orang Melayu. Orang-orang Cina dan India pula tinggal secara berselerak di sekitar Bandar Muar. Penduduk golongan B40 di Muar rata-ratanya mempunyai pekerjaan yang biasa. Pendapatan golongan ini biasanya dalam anggaran RM 900-RM 2000. Dari aspek perhubungan, Muar boleh dihubungi melalui Lebuh raya pintasan Muar (Muar ByPass) sepanjang 14 km yang menyusuri persisiran bandar Muar. Laluan ini akan memudahkan perjalanan dengan mengalihkan aliran trafik daripada kawasan bandar dan seterusnya dapat mengurangkan kesesakan di Jambatan Sultan Ismail Muar. Jika dilihat kepada struktur pekerjaan di Muar, ianya memberi fokus kepada perniagaan seperti kedai runcit, kilang swasta seperti ST Microelectronics dan Micron Semiconductor. Kawasan ini semakin berkembang dengan kemasukan pekerja asing yang bekerja di kilang-kilang swasta atau di pusat membeli belah di The Store. Terdapat penduduk yang tinggal di sekitarnya membuat perniagaan sendiri seperti menjual makanan, kedai tukang jahit, kedai Hardware di sekitar Jalan Arab di Muar. Pada masa sama, terdapat juga sekolah rendah dan sekolah menengah yang dibina di daerah Muar.

Oleh itu, daerah Muar ini dipilih sebagai kawasan kajian kerana kawasan ini merupakan kawasan yang sedang membangun dengan nilai kos sara hidup yang semakin meningkat. Kawasan ini merupakan sebuah tempat

yang sesuai dijadikan sebagai tempat penyelidikan kerana terdapat pelbagai penduduk golongan B40 yang tinggal di sini yang mempunyai latar belakang dari segi ekonomi dan sosial yang pelbagai yang perlu berdepan atau beradaptasi dengan isu kenaikan harga barangan.

METODOLOGI

Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan kebarangkalian dengan memilih kaedah persampelan rawak mudah. Kaedah ini dipilih agar responden yang dipilih adalah memenuhi syarat kajian iaitu penduduk B40 yang menetap di Muar, Johor. Namun penetapan bilangan sampel turut diambil kira dalam kajian ini agar analisis dapat dilakukan mengikut objektif kajian. Berdasarkan kawasan kajian ini, didapati bahawa jumlah populasi penduduk B40 adalah seramai 197,582 orang. Pemilihan jumlah sampel kajian adalah berdasarkan kepada formula Taro Yamanae (1976). Pemilihan sampel kajian utama adalah penduduk B40 yang terdiri daripada isi rumah yang dapat memberikan maklumat berkenaan dengan kenaikan harga barang dan seterusnya impak yang mereka hadapi. Saiz sampel kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan nisbah 0.1 yang mewakili aras keyakinan (e). Pengiraan untuk mendapatkan saiz sampel adalah seperti berikut:

Pengiraan Saiz Sampel Penduduk B40:

$$n = \frac{N}{1 + N(e)^2}$$

$$n = \frac{197,582}{1 + 197,582(0.1)^2}$$

$$n = \frac{197,582}{1976.83}$$

$$n = 100 \text{ orang}$$

n = saiz sampel yang diperlukan

N = jumlah populasi

e = paras kesignifikan adalah 0.1

HASIL DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini merupakan bahagian yang sangat penting dalam menerangkan keputusan analisis. Penerangan tersebut adalah berdasarkan tindak balas responden terhadap soal selidik yang telah dijalankan berkaitan kenaikan harga barang dan impaknya terhadap penduduk B40 di Muar, Johor. Perbincangan bab ini melibatkan latar belakang responden dan impak kenaikan harga barang terhadap penduduk berpendapatan rendah yang akan dianalisis secara terperinci.

Latar Belakang Responden

Kajian ini meliputi kategori responden iaitu golongan B40 yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Seramai 100 orang penduduk B40 dipilih secara rawak untuk ditemu ramah berdasarkan soal selidik yang diedar. Latar belakang

responden seperti paparan dalam Jadual 1. Ciri latar belakang meliputi kategori yang telah ditetapkan iaitu umur, jantina, status perkhawinan, bangsa, agama, taraf pendidikan, jenis pekerjaan dan pekerjaan sampingan sekiranya ada serta pendapatan isi rumah sebulan.

Jadual 1: Data demografi responden

Profil Responden	Peratusan (%)
Umur	
20 - 30	19.0
31 - 40	26.0
41 - 50	30.0
51 – 60	25.0
Jantina	
Lelaki	55.0
Perempuan	45.0
Status	
Bujang	24.0
Berkahwin	72.0
Ibu/ Bapa Tunggal	4.0
Bangsa/ Agama	
Melayu/ Islam	65.0
Cina/ Buddha	15.0
India/ Hindu	20.0

Sumber: Kajian Lapangan (2020)

Impak Kenaikan Harga Barang Terhadap Penduduk Berpendapatan Rendah

Kenaikan harga barang pada masa kini menyebabkan perbelanjaan rakyat terutamanya penduduk golongan B40 semakin bertambah. Kenaikan ini menyebabkan kehidupan golongan yang berpendapatan rendah semakin terhimpit. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan impak kenaikan harga barang terhadap penduduk berpendapatan rendah. Antara impak yang telah dikaji ialah kenaikan kos sara hidup, penurunan kuasa beli serta perubahan taraf hidup. Setiap impak ini akan dipecahkan kepada beberapa pernyataan bagi mendapatkan sokongan responden terhadap impak kenaikan harga barang.

Kos sara hidup meningkat

Bahagian ini melihat kepada sejauh mana peningkatan kos sara hidup berhubung kait dengan penduduk golongan B40 di Muar, Johor. Dapatan kajian menerusi statistik deskriptif (Jadual 2) juga menunjukkan nilai min paling tinggi diwakili oleh pernyataan tersebut dengan mencatatkan nilai 3.97. Barang harian/ runcit yang dimaksudkan dalam pernyataan tersebut adalah barangan keperluan asas seperti beras, gula, garam dan minyak. Semasa proses

pengisian borang soal selidik, kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka mampu berbelanja barang-barangan dapur tersebut kerana ia merupakan barangan yang wajib diperlukan untuk menjamin kesejahteraan hidup. Pendapatan boleh guna yang diterima oleh mereka digunakan untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang utama terdahulu seperti pembelian barangan runcit walaupun majoriti pendapatannya dihabiskan dengan aktiviti tersebut. Pernyataan ini turut disokong dalam artikel Julizah (2014) yang menyatakan bahawa golongan ini tidak mempunyai lebihan wang untuk dibelanjakan ke atas barangan lain.

Menurut artikel Faeza et al. (2016), ekoran dari perubahan ekonomi dunia secara tidak langsung telah mengakibatkan kenaikan kadar inflasi serta mengakibatkan perbelanjaan untuk kelangsungan hidup semakin meningkat. Inflasi atau lebih dikenali sebagai kenaikan harga barang secara berterusan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kenaikan kos sara hidup. Peningkatan harga barangan seperti sayur-sayuran serta barangan harian lain turut memberi impak kepada golongan B40 ini. Pernyataan ini jelas dibuktikan dalam laporan Unit Perancangan Ekonomi (2016) iaitu sebelas daripada dua belas kumpulan utama barangan dan perkhidmatan seperti makan dan minuman bukan alkohol telah mencatatkan peningkatan di mana ia telah memberikan kesan negatif terhadap pendapatan isi rumah.

Jadual 1: Skor Min Kos Sara Hidup Meningkat

Pernyataan	Statistik Min
Pengguna mampu melakukan perbelanjaan barangan harian/ runcit	3.97
Amalan berhutang wujud semasa berbelanja	2.96
Simpanan/ tabungan dilakukan	3.53

Sumber: Data Kerja Lapangan 2020

Seterusnya, dari segi amalan berhutang ketika melakukan perbelanjaan, kebanyakan responden menjawab tidak pasti iaitu mencatatkan bilangan sebanyak 42 peratus. Tahap keberkesanan min dalam Jadual 2 bagi pernyataan tersebut telah mendapat skor 2.96 yang menunjukkan skor sederhana. Berdasarkan kajian semasa di lapangan, responden menyatakan bahawa kadang-kala mereka akan berhutang sekiranya peniaga tersebut membenarkan mereka untuk melakukannya. Hal ini sedemikian kerana terdapat komitmen-komitmen lain yang terpaksa diselesaikan dan menyebabkan mereka memilih alternatif ini. Walau bagaimanapun, mereka tetap akan membayarnya secara ansuran seperti yang telah dibincangkan dengan pihak peniaga. Pernyataan ini disokong dalam laporan National Summit on Retirement Saving (2002) yang menyatakan bahawa hutang atau kredit memberikan laluan mudah kepada individu terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah untuk memiliki barangan dan perkhidmatan.

Menurut Dicky et al. (2019) dalam artikelnya menyatakan bahawa golongan ini mempunyai kadar upah dan gaji yang rendah menyebabkan mereka untuk melakukan amalan berhutang bagi memenuhi sesuatu barangan dan perkhidmatan. Selain daripada gaji, hasil statistik kaji selidik juga mendapati bahawa kos sara hidup yang

tinggi menyumbang kepada keperluan untuk membuat pinjaman. Semasa proses pengisian soal selidik, sesetengah responden turut mengakui bahawa ketidakcukupan jumlah gaji yang diterima adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada perlunya hutang. Hal ini turut disokong dalam kajian Nur Fatin et al. (2015) iaitu realitinya amalan berhutang berlaku apabila gaji yang diperoleh tidak mencukupi dan ianya semakin bertambah apabila masalah kenaikan harga barang ini berterusan.

Walaupun amalan berhutang berlaku di kalangan responden, namun ia bukan menjadi penghalang untuk melakukan tabungan atau simpanan. Hal ini dibuktikan dalam pernyataan simpanan/ tabungan dilakukan dan kebanyakan responden melakukannya iaitu mencatatkan bilangan sebanyak 44 peratus dan sesetengahnya menjawab tidak pasti iaitu 30 peratus daripada keseluruhan jumlah responden. Nilai min dalam Jadual 2 yang diperolehi adalah sebanyak 3.53 iaitu berada pada tahap sederhana. Sebagaimana yang kita ketahui, menabung merupakan suatu amalan yang perlu dipraktikkan dan ianya akan membantu seseorang semasa berada dalam kecemasan. Berdasarkan kajian di lapangan, terdapat responden yang turut berkongsi cara hidup mereka dengan mengatakan bahawa walaupun majoriti pendapatan digunakan untuk perbelanjaan, namun sebahagian kecil akan disimpan untuk tujuan kecemasan dan bagi yang tidak pasti berkemungkinan amalan menabung tidak dilakukan secara konsisten. Terdapat juga segelintir responden yang tidak melakukan tabungan kerana pendapatan yang diperoleh digunakan sepenuhnya untuk tujuan-tujuan tertentu. Bahkan, boleh dikatakan bahawa golongan berpendapatan rendah lebih mudah terdedah kepada risiko kerana kemampuan kewangan serta tahap simpanan yang rendah dan ianya turut disokong dalam kajian Chiew (2018).

Selain itu, teori ekonomi meramalkan bahawa hubungan antara pendapatan dan tabungan adalah positif iaitu apabila pendapatan meningkat, tabungan juga akan meningkat (Rahmah et al. 2010). Sebaliknya, situasi yang dihadapi oleh responden adalah pendapatan adalah sama tetapi perbelanjaan kian meningkat menyebabkan jumlah yang ditabungkan adalah pada kadar yang rendah. Sekiranya berlaku sesuatu krisis, golongan ini akan menghadapi kesukaran untuk menempuhi kejadian tersebut akibat simpanan yang rendah. Kajian yang dilakukan oleh Hafizuddin Syah et al. (2019) turut menyatakan bahawa kenaikan kos hidup akibat ketidakpastian ekonomi dan peningkatan harga barang memberi tekanan kepada semua akan tetapi golongan B40 menerima kesan yang lebih ketara.

Kuasa beli menurun

Fenomena peningkatan harga barangan dan perkhidmatan secara realitinya telah menjejaskan kuasa beli pengguna ketika melakukan perbelanjaan. Secara umumnya, kuasa beli adalah jumlah barangan dan perkhidmatan yang boleh dibeli dengan suatu unit mata wang (Adam Hayes et al. 2020).

Bagi pernyataan pengguna hanya mampu membeli barangan dalam kuantiti yang kecil menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak bersetuju dengan mencatatkan bilangan sebanyak 32 peratus. Dapatan kajian berdasarkan analisis deskriptif dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa nilai min adalah sebanyak 3.39 iaitu di bawah tahap sederhana. Hal ini sedemikian kerana kebanyakan responden mampu untuk membeli barangan dalam kuantiti yang sederhana iaitu tidak terlalu sedikit atau terlalu banyak. Barang-barangan keperluan akan dibeli sekaligus untuk mengelakkan perbelanjaan berlebihan. Perbuatan ini juga boleh digelar sebagai *smart consumer* kerana ia lebih menjimatkan. Walaupun harga barangan meningkat, golongan berpendapatan rendah mampu untuk membeli barangan dalam kuantiti yang sederhana, tetapi kecenderungan perbelanjaan isi rumah tersebut adalah lebih berbanding golongan berpendapatan tinggi. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia yang menyatakan bahawa isi rumah yang berpendapatan tinggi hanya berbelanja RM0.25

daripada tambahan RM 1 yang diperoleh berbanding isi rumah berpendapatan rendah yang berbelanja RM0.80 daripada tambahan RM1 yang diperolehi.

Peningkatan terhadap perbelanjaan yang paling ketara dilihat berlaku dalam kategori makanan dan minuman kerana peningkatan harga banyak melibatkan barangan berkenaan. Pernyataan ini turut dibuktikan dalam Laporan Unit Perancangan Ekonomi (2016) bahawa daripada dua belas kumpulan barangan tersebut, peningkatan yang berada pada tahap yang pertama adalah kumpulan makanan dan minuman. Tambahan pula, kajian yang hampir sama telah dilakukan oleh Norlaila et al. (2010) mengenai kesan kenaikan harga barang terhadap pengguna di Lembah Klang. Analisis perbincangan didapati mempunyai kesamaan dengan analisis yang dilakukan oleh pengkaji iaitu pengguna mampu mendapatkan kuantiti barang tersebut pada kadar yang sama tetapi berbeza dari segi jumlah wang yang perlu dibelanjakan. Hal ini kerana isi rumah tidak dapat mengurangkan kuantiti pembelian secara majoriti kerana ia merupakan barang keperluan asas yang penting untuk menjamin kesejahteraan hidup.

Jadual 3: Skor Min Kuasa Beli Menurun

Pernyataan	Statistik Min
Pengguna hanya mampu membeli barangan dalam kuantiti yang kecil	3.39
Pengguna melakukan perancangan sebelum membuat perbelanjaan	4.09
Pengguna mampu membeli barangan mewah	3.05

Sumber: Data Kerja Lapangan 2020

Seterusnya, peratusan responden menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada mereka melakukan perancangan sebelum melakukan sesuatu perbelanjaan iaitu masing-masing mewakili jumlah yang sama sebanyak 38 peratus bagi skala setuju dan sangat setuju. Tahap keberkesanan min dalam Jadual 3 pula adalah sebanyak 4.09 menunjukkan skor yang tinggi. Hal ini sedemikian kerana dengan merancang kewangan, seseorang itu berupaya mengelakkan perbelanjaan berlebihan atau kebergantungan kepada orang lain. Perancangan dari segi perbelanjaan turut dilakukan oleh mereka, iaitu menyenaraikan barangan mengikut keutamaan supaya pembaziran tidak berlaku. Responden turut menyatakan bahawa dengan berbuat demikian, kestabilan kewangan lebih terjamin. Selain daripada itu, pengurusan kewangan membantu individu menguruskan kewangan rumah termasuklah belanjawan, simpanan, pengurusan hutang dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengan wang (Rahim, 2014; Sabri, 2014). Dalam kata lain, pengurusan kewangan adalah proses mengawal pendapatan dan menyusun perbelanjaan melalui perancangan kewangan. Perancangan kewangan juga merupakan proses penentuan bagaimana seseorang individu mencapai wawasan kewangan melalui sumber kewangan yang bersesuaian (Tan, B. S., 2016). Perkara ini telah menjerumus responden untuk mengurus perbelanjaan agar bersesuaian dengan kemampuan mereka.

Di samping itu, bagi pernyataan pengguna mampu membeli barangan mewah, kebanyakan responden telah menjawab tidak pasti iaitu sebanyak 36 peratus dan hal ini dapat dibuktikan melalui penilaian skor min pada tahap

yang sederhana iaitu sebanyak 3.05 dalam Jadual 3. Keadaan ini adalah disebabkan oleh jumlah pendapatan yang diperoleh oleh responden digunakan untuk perbelanjaan barang-barangan utama terdahulu. Sekiranya, terdapat lebih wang, maka ianya akan digunakan untuk membeli barangan mewah. Semasa di lapangan, responden turut menyatakan bahawa matlamat utama mereka adalah untuk memenuhi barangan keperluan terdahulu, di samping barang kehendak pula diletakkan pada pilihan yang kedua. Hal ini kerana barangan keperluan merupakan kepentingan asas yang diperlukan oleh setiap manusia untuk meneruskan kehidupan. Keperluan ini terdiri daripada barang atau perkhidmatan yang membolehkan manusia hidup pada tahap yang minimum. Manakala barangan kehendak pula adalah keinginan terhadap barang dan perkhidmatan untuk mencapai tahap kehidupan yang lebih selesa.

Bahkan, perkara ini turut dibuktikan dalam Teori Hierarki Maslow iaitu suatu teori yang boleh dianggap memenuhi keperluan fizikal manusia (Nor Nazimi et al., 2017). Dalam teori piramid tersebut, terdapat lima peringkat dan tahap paling bawah ialah tahap fisiologi iaitu keperluan kepada makanan dan keperluan-keperluan penting untuk meneruskan kehidupan. Menurut beliau, kehendak yang paling atas hanya akan tercapai setelah keperluan paling bawah dipenuhi. Responden turut menyatakan bahawa kehendak lain tidak sekali menjadi tumpuan mereka selagi keperluan asas ini dipenuhi. Apabila mereka mencapai segala keperluan-keperluan tersebut, barulah kehendak yang diinginkan akan diberi perhatian. Kajian yang dijalankan turut membincangkan bahawa apabila manusia dapat memenuhi keperluan asas maka ia akan memotivasikan manusia untuk mencapai kepuasan dalam diri mereka sendiri.

Perubahan taraf hidup

Taraf hidup mengukur perbandingan di antara pendapatan boleh guna yang diterima oleh isi rumah dengan kos sara hidup. Sekiranya peningkatan pendapatan berada pada kadar yang lebih rendah berbanding kos sara hidup, bererti taraf hidup seseorang dikatakan semakin merosot dan sebaliknya sekiranya taraf pendapatan meningkat pada kadar yang lebih tinggi dari kos sara hidup dikatakan taraf hidup semakin meningkat (Jacobson et al., 2010).

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan pernyataan bagi pengguna mampu membeli barangan berkualiti rendah berbanding kualiti tinggi iaitu mencatatkan bilangan sebanyak 77 peratus. Tahap keberkesanan min juga adalah tinggi iaitu sebanyak 4.00 (rujuk Jadual 4). Keadaan sedemikian ini adalah kerana barangan berkualiti rendah adalah jauh lebih murah berbanding barangan berkualiti tinggi. Bagi mengawal perbelanjaan, ianya didapati bahawa kualiti tersebut dapat memenuhi tahap keselesaan responden. Sesetengah responden turut mengatakan bahawa, kadang-kala mereka mampu untuk membeli barangan berkualiti tinggi walaupun harganya agak mahal. Realitinya, langkah yang diambil dikatakan kurang baik apabila kemewahan tersebut bukan sebahagian daripada keperluan. Tambahan pula, barangan yang murah tidak semestinya kurang kualitinya. Produk tersebut mungkin hanya berkualiti rendah dan fungsinya adalah sama seperti barangan berkualiti tinggi. Taraf hidup sesebuah isi rumah adalah bergantung kepada corak perbelanjaan yang dilakukan oleh mereka berdasarkan pendapatan yang diperolehi (Ishak, Ab. G et al. 2007). Jelaslah bahawa barang berkualiti rendah turut memberikan kepuasan yang maksimum kepada golongan B40 ini.

Namun, peningkatan harga barang dan perkhidmatan juga telah menyebabkan taraf hidup golongan B40 mengalami pertumbuhan yang perlahan. Hal ini terbukti dalam kajian Muller, Christopher (2002) yang menyatakan bahawa kenaikan harga barangan akan melambatkan peningkatan taraf hidup isi rumah kerana isi rumah hanya dapat membeli barang dengan pendapatan yang diperolehi. Pertumbuhan yang perlahan ini adalah kerana mereka mempunyai kesukaran untuk memenuhi kehendak tersebut. Dapatan daripada kajian tersebut turut membincangkan

bahawa peningkatan taraf hidup akan membawa kepada peningkatan kos sara hidup. Keadaan ini akan menyebabkan perbelanjaan isi rumah turut menjadi lebih tinggi. Bagi mengelakkan beban daripada terus meningkat, responden tidak menjadikan kualiti sesuatu barang dan peningkatan taraf hidup sebagai pilihan utama, bahkan mereka hanya melihat kepada fungsi kebendaan tersebut serta mengamalkan gaya hidup yang biasa.

Jadual 4: Skor Min Perubahan Taraf Hidup

Pernyataan	Statistik Min
Pengguna mampu membeli barangan berkualiti rendah berbanding kualiti tinggi	4.00
Pengguna memperuntuk masa dengan menyediakan makanan sendiri di rumah	3.29
Pengguna berbelanja secara berhemah (keperluan asas)	4.21

Sumber: Data Kerja Lapangan 2020

Selain itu, berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden tidak pasti dan kurang bersetuju iaitu mencatatkan sebanyak 36 peratus dan 24 peratus responden masing-masing bagi pernyataan pengguna memperuntuk masa dengan menyediakan makanan sendiri di rumah. Analisis deskriptif min dalam Jadual 4 juga adalah pada tahap yang sederhana iaitu 3.29. Faktor masa merupakan aspek paling utama yang diambil kira dalam situasi tersebut. Responden turut mengatakan bahawa ianya lebih mudah untuk mereka membeli makanan yang tersedia ada di kedai. Perkara tersebut menjadi alternatif kepada mereka akibat kekangan masa untuk menyediakan makanan sendiri dan salah satu sebabnya adalah syif kerja yang tidak menentu. Mereka juga turut berkongsi pandangan dengan menyatakan bahawa ia lebih jimat untuk membeli makanan di luar, sedangkan memasak di rumah memerlukan banyak bahan yang menelan kos tinggi. Oleh itu, mereka cenderung untuk membeli makanan di restoran seperti KFC yang menawarkan satu set menu dalam lingkungan RM10.00 sahaja. Dengan berbuat demikian, mereka dapat menjimatkan masa, tenaga dan juga wang.

Di samping itu, dapatan kajian juga menjelaskan bahawa majoriti responden iaitu 84 peratus berbelanja secara berhemah. Tahap pencapaian min juga adalah pada skor yang tertinggi iaitu 4.21 (rujuk Jadual 4). Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa sikap berhemah adalah amalan mulia yang perlu dipraktikkan ketika melakukan perbelanjaan. Sebagai pengguna, memiliki sifat-sifat pengguna yang bijak berupaya untuk mengharungi kenaikan harga barangan pada masa kini. Perbelanjaan yang dirancang akan mampu memberikan lebih banyak manfaat kepada golongan berpendapatan rendah. Secara umumnya, memupuk gaya hidup berhemah ialah membentuk kesedaran pengguna untuk berbelanja secara berhemah, iaitu mengikut keperluan dan kemampuan diri sendiri dan keluarga (Mohamad Azhar, 2015). Pendapatan yang diperolehi oleh mereka secara relatifnya adalah rendah dan perbelanjaan yang dilakukan adalah berdasarkan pada pendapatan tersebut. Oleh itu, sikap berhemah adalah penting untuk mengimbangkan belanjawan sesebuah isi rumah iaitu memperuntukkan sejumlah wang yang sepatutnya sahaja untuk melakukan sesuatu perbelanjaan. Artikel daripada Nurul Huda et al. (2019) turut

membincangkan bahawa perbelanjaan secara berhemah akan dijadikan teras utama untuk mengelakkan daripada bersikap boros ketika melakukan sesuatu perbelanjaan.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian secara keseluruhannya, kenaikan harga barang yang berlaku telah menyebabkan kemerosotan dalam pendapatan benar golongan B40. Keadaan ini dibuktikan melalui aspek seperti peningkatan kos sara hidup, penurunan kuasa beli serta perubahan taraf hidup mereka. Pendapatan yang diperolehi secara khususnya adalah pada tahap yang sederhana dan segala perbelanjaan dilakukan dengan menggunakan jumlah wang tersebut. Situasi ini merupakan satu cabaran kepada golongan B40 untuk mendepani masalah kenaikan harga barang. Keputusan yang diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan ini telah membantu pengkaji dalam menganalisis maklumat yang diperolehi.

Masalah Isu kos sara hidup juga berkait rapat dengan dengan taraf kehidupan. Peningkatan pada taraf kehidupan akan membawa kepada peningkatan kos perbelanjaan. Hal ini selari dengan beberapa dapatan seperti (Petras, 2007; Veltmeyer, 2007) yang mendapati kemajuan sesebuah negara akan membawa kepada peningkatan kualiti dan taraf kehidupan, sekaligus mendorong peningkatan harga barangan dan kos sara hidup. Namun, menurut Christopher Muller (2002) pula, peningkatan harga yang mendadak akan melambatkan peningkatan taraf kehidupan memandangkan isi rumah hanya dapat membeli barangan berdasarkan pendapatan mereka. Dapatan mereka ini menunjukkan bahawa peningkatan taraf kehidupan akan membawa kepada peningkatan kos sara hidup, tetapi peningkatan harga yang berpunca daripada faktor lain, seperti kekurangan penawaran akan menyukarkan peningkatan taraf kehidupan.

Kenaikan kadar inflasi didapati telah memberikan kesan yang negatif terhadap pekerjaan dan pendapatan (Attanasio, 2011; Szekely, 2011). Selain itu, kenaikan kadar inflasi juga didapati lebih memberi kesan kepada kenaikan kos sara hidup bagi kumpulan yang berpendapatan rendah dan sederhana (Bank Negara Malaysia, 2010). Kenaikan harga yang semakin meningkat menyebabkan sebahagian besar daripada pendapatan bulanan yang diterima dibelanjakan untuk keperluan asas sahaja dan keadaan ini dikatakan semakin membebankan. Upah benar juga semakin merosot berikutan dengan kenaikan kadar inflasi. Masalah kewangan dan masalah sosial yang berlaku menunjukkan bahawa perlunya strategi dalam menangani dan menguruskan kewangan yang baik dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup.

Menjana pendapatan dengan melakukan dua pekerjaan merupakan satu strategi ke hadapan dalam mengatasi ketidakcukupan pendapatan dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat saban tahun. Menjana pendapatan melalui pekerjaan kedua juga didefinisikan oleh (Rostker, 1976; Shishko, 1976) sebagai satu situasi di mana individu yang sudah mempunyai pekerjaan utama memilih untuk bekerja lebih dari satu pekerjaan dengan motif untuk meningkatkan sumber pendapatan. Strategi ini melibatkan usaha individu itu sendiri untuk menambah pendapatan bagi memenuhi keperluan asas dan keperluan lain rentetan dari ketidakcukupan pendapatan akibat dari kenaikan kos sara hidup (Faeza et al., 2016).

Kajian yang dijalankan oleh (Gandotra, 2006; Joshi, 2006) didapati terdapat dua strategi yang digunakan oleh isi rumah di India dalam menangani kenaikan harga barang, antaranya ialah strategi menangani ke hadapan

iaitu strategi yang digunakan untuk menjana pendapatan kedua dan strategi menangani ke belakang iaitu strategi mengubah corak perbelanjaan. Pekerjaan sampingan dipilih sebagai alternatif bagi menambahkan pendapatan isi rumah. Manakala menurut (Leduc, 2004; Sill, 2004) berpendapat bahawa isi rumah akan meningkatkan masa kerja dan mengurangkan masa rehat untuk mengimbangkan kesan kenaikan harga petrol ke atas tingkat perbelanjaan dan pengurangan baki wang benar mereka. Ini kerana, kesan tersebut telah mendorong para isi rumah menggantikan masa rehat dengan masa kerja untuk menampung kos kehidupan yang semakin meningkat. (Conway, 2001; Kimmel, 2001) dalam kajiannya di Amerika Syarikat mendapati bahawa individu yang mempunyai pekerjaan kedua biasanya adalah individu yang bekerja sepenuh masa pada pekerjaan pertama dengan kadar upah yang rendah dengan waktu bekerja yang sedikit berbanding individu yang tidak mempunyai pekerjaan kedua. Ini disokong oleh kajian Heineck (2009) yang menggunakan data dari negara United Kingdom dalam kajiannya membuktikan bahawa motif utama individu mempunyai pekerjaan kedua adalah berpunca dari kekangan jam bekerja pada pekerjaan pertama yang menyebabkan individu tidak berpuas hati dengan bayaran pendapatan yang rendah. Waktu bekerja yang sedikit akan menyebabkan individu menerima kadar upah yang rendah dan seterusnya menyebabkan pendapatan yang diterima tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup.

Kesimpulannya, cadangan langkah yang bersesuaian bagi meningkatkan tabungan penduduk B40 ialah dengan berjimat cermat serta mengutamakan barang keperluan apabila melakukan perbelanjaan merupakan langkah strategik yang harus diamalkan oleh pengguna ketika melakukan sesuatu perbelanjaan. Tindakan sedemikian mampu membantu responden untuk meningkatkan tabungan kerana jumlah yang dibelanjakan akan lebih tertumpu kepada perbelanjaan yang penting sahaja. Amalan berjimat cermat juga dapat mengelakkan seseorang daripada pembaziran. Manakala dari segi polisi dan dasar pula, penetapan dan juga penguatkuasaan terhadap barangan keperluan terutama bagi barangan terkawal perlulah dijalankan secara berkala bagi memastikan bahawa harga barangan masih berada dalam julat harga pembelian penduduk tempatan. Penduduk tempatan terutama golongan B40 bukan hanya tidak mampu membuat tabungan, bahkan harga barangan yang sentiasa naik dari masa ke semasa menyebabkan wujud pelbagai tekanan kepada mereka. Kesanggupan penduduk terutama golongan B40 beradaptasi dalam senario kehidupan semasa haruslah seiring dengan rasa tanggungjawab bpihak berkepentingan dalam memastikan kelangsungan hidup rakyat adalah sejahtera.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Kod Projek Geran FRGS/1/2019/SS07/UKM/02/2 kerana membiayai sepenuhnya penyelidikan dan penerbitan ini, dan kerana telah banyak membantu dalam tujuan pemantapan penyelidikan dalam pelbagai aspek. Penghargaan kepada Program Geografi, SEEDS FSSK di atas peluang pembentangan seminar yang diberikan.

RUJUKAN

- Adam, H., Michael, J., (2020). *What is Purchasing Power?* Dotdash SF.
- Aida, I., Kim, K.H., Nur Jannah, B. (2018). *Hubungan Antara Pendapatan dan Perbelanjaan Harian Bagi Golongan Belia Melayu di Kuala Lumpur*. Journal of Social Sciences and Humanities 13(2): 24-35.
- Aminudin, Basir, Jaffary, A., Nor Nazimi, A. (2017). *Teori Maslow dan Kaitannya Dengan Kehidupan Muslim*.

Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Azalia Asmira, Hafizuddin Syah, Rubayah. (2019). *Penentu Pemilikan Takaful Mikro dalam Kalangan Kumpulan Berpendapatan Rendah*. Journal of Nusantara Studies 4(2): 101-125.
- Bank Negara Annual Report. (2015). *Inflation and Cost of Living* 64-69. Kuala Lumpur Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2013). *The Marginal Propensity to Consume across Household Income Groups the Marginal Propensity to Consume across Household Income Groups* (Working Paper Series: WP2/2013). Kuala Lumpur, Malaysia.
- Basil, M. (2017). *Have Profits Kept Pace with the Cost of Living?* The Annals of the American Academy of Political and Social Science 89 (1): 157-162.
- Chamhuri, S., Mohd Khairi, Nur Ashikin, Siti Zalikha. (2019). *Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40) di Malaysia: Mengenal Pasti Trend, Ciri, Isu dan Cabaran*. Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI). Universiti kebangsaan Malaysia.
- Chiew, H.L. (2018). *Expanding Insurance and Takaful Solutions for the Underserved Segment*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia. Kuala Lumpur. Malaysia.
- Cohen, M., Sebstad, J. (2006). *The Demand for Micro-Insurance*. In Churchill, C. (Ed.), *Protecting the Poor: A Micro-Insurance Compendium*. Geneva, Switzerland: International Labour Office.
- Dicky, W., Hairunnizam, W., Salmi, E. (2019). *Pengaruh Hubungan Sosial terhadap Gelagat Pembelian Barangan Bukan Asas dan Niat Berhutang dalam Kalangan Isi Rumah B40*. Jurnal Ekonomi Malaysia 53(1): 35-46.
- Doris Padmini, S., Nor Aini, H.I., Norlaila, A.B. (2010). Kesan kenaikan harga barang terhadap perbelanjaan, tabungan dan kredit pengguna di Lembah Klang. *Prosiding Seminar Kebangsaan MACFEA*, hlm. 30-40.
- Eh Run, E.N., Hairunnizam, W. (2017). Gelagat tabungan dan tahap pengetahuan pembeli rumah terhadap proses kelayakan pembiayaan perumahan: Kajian di Lembah Klang. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-12*, hlm. 1199-1209.
- Nelson, F.H. (1991). *An Interstate Cost-of-Living Index*. Educational Evaluation and Policy Analysis 13(1): 103-111.
- Faeza, A., Hairulnizam, W., Suhaili, A. (2016). Strategi belia dalam menghadapi kos sara hidup. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) ke-11*, hlm. 648-657.
- Farahaini, M.H. (2015). *Kenaikan Harga Barang di Malaysia: Peranan Pengguna, Kerajaan dan Koperasi*. Pusat Konsultasi dan Penyelidikan 46: 29-35.
- Hazrul Izuan, S., Mohd Aqmin, A.W., Mohd Azlan, S.Z., Mustazar, M. (2018). *Kos Sara Hidup Tinggi di Malaysia: Pertumbuhan Pendapatan Isi Rumah Yang Perlahan atau Taraf Hidup Yang Meningkatkan*. Jurnal Ekonomi Malaysia 52(1): 125-139.
- Ishak, AB. G., Mohd Fadzil, A.R. (2007). Migrasi dan kemiskinan bandar: Suatu kajian literatur. *PKPPM, Pulau Pinang*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). Buku tahunan perangkaan. Malaysia: Percetakan Nasional.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016. Sumber Statistik Rasmi Malaysia.
- Jacobson, D., Mavrikiou, P. M., Minas, C. (2010). *Household Size, Income and Expenditure on Food: The Case of Cyprus*. Journal of Socio-Economics 39(2): 319-328.
- Julizah, S. (2014). *Kenaikan Kos Sara Hidup, Kesan Kepada Rakyat*. Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selantan.
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. (2020). *Penguatkuasaan Tanda Harga*. <https://www.kpdnhep.gov.my/ms/component/content/category/47-penguatkuasaan.html>. Di akses pada 21

Januari 2020.

- Majlis Pemandaran Muar. (2016). Info Muar: Halaman 2-3. <http://www.mpmuar.gov.my/ms/pelawat/info-muar/page/0/1>. Di akses pada 12 November 2019.
- Malaysia. (2018). Rancangan Malaysia Kesebelas 2007-2011.
- Mohamad Azhar, H. (2015). *Memupuk Gaya Hidup Berhemat*. Institute of Islamic Understanding Malaysia.
- Muller, C. 2002. *Prices and living standards: Evidence for Rwanda*. Journal of Development Economics 68(1): 187–203.
- National Summit on Retirement Savings: Final Report. (2002). Saving for a Lifetime: Advancing Generational Prosperity.
- Nor Sharmainie, S., Nurza Mohamed, Y., Nor Rosmawati, A.R., Shuhaimi, J. (2019). *Kesan Kenaikan Harga Barang Asas Terhadap Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Swasta*. Selangor: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Norlinda, T. AB., Rahmah, I. (2010). Hubungan pendapatan, perbelanjaan dan tabungan isirumah di semenanjung Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Macfea*, hlm. 500-520.
- Nur Fatin Nabilah, M.R., Noor Azryani, A. (2015). *Faktor-Faktor Ekonomi Isi Rumah yang Menyebabkan Peningkatan Hutang Isi Rumah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Huda, M.Y., Zaimah, R. (2019). *Perancangan Kewangan Persaraan Dalam Kalangan Generasi Milenium: Kerangka Konsep*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahim, H.A, Sabri, M.F. (2014). Malaysian Public Sector Employees' Financial Preparedness and Personal Financial Plan Implementation. *Journal of Wealth Management and Financial Planning* 42(1): 33-42.
- Tan, B.S. (2016). On comparing cost of living of cities using expatriate price survey. *Policy Studies* 37(1): 53-71.
- United Nations. (2016). *Sustainable Development Goals - 17 Goals to Transform Our World*. United Nations Development Program (UNDP).
- World Bank. (2017). *Atlas of Sustainable Development Goals 2017: From World Development Indicator*. Washington, DC.